



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI
BILANGAN 3 TAHUN 2010**

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN KEPADA PERENGGAN 4.8
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2003**

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan Negeri Kelantan meminda Perenggan 4.8 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.4 Tahun 2003 bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Perenggan 4.8 – Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 4 Tahun 2003 adalah dipinda dengan cara dimasukkan 2 perenggan serta peruntukan tambahan selepas 2 perenggan serta peruntukan asal seperti berikut:-

4.8. Tambang Gantian

4.8.1. Dikekalkan peruntukan asal

4.8.2. Dikekalkan peruntukan asal

4.8.3. Dimasukkan peruntukan "seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian juga tidak layak menuntut elaun makan, elaun harian, elaun perjalanan kenderaan, tambang pengangkutan awam, bayaran letak kereta, tol dan tambang feri sepanjang perjalanan dari rumah, tempat menginap atau Ibu Pejabat ke tempat penginapan serta tempat menjalankan tugas rasmi dan sebaliknya."

4.8.4. Dimasukkan peruntukan "seseorang pegawai yang disediakan Kereta Khas Kerana Jawatan bagi maksud Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 10 Tahun 1983 adalah tidak layak menuntut Tambang Gantian di bawah Pekeliling ini."

3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 3 Tahun 2010 ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k.

Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan